

DBKL pantau kualiti makanan di bazar

Sampel jualan diambil setiap hari untuk dianalisis pastikan tiada pencemaran

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengambil 120 sampel makanan secara rawak di 62 bazar Ramadan seluruh ibu negara bagi memastikan makanan dijual tidak tercemar, sekali gus menjamin keselamatan dan kesihatan warga kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata sampel makanan itu akan diambil secara berjadual setiap hari untuk dihantar ke Pusat Analisis dan Sekuriti Makanan DBKL (FoSAC) bagi tujuan analisis. Beliau berkata, pengambilan sampel juga akan dilaksanakan sekiranya ada aduan atau kes keracunan makanan.

"Sekiranya terdapat sebarang pencemaran, kompaun akan dikeluarkan dan menyenarai hitam penjaja terbabit serta tidak dibenarkan mendapat lesen bazar Ramadan tahun depan," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Makanan Bazar Ramadan 2023 di Taman Tasik Permaisuri di sini, kelmarin.



Mahadi menunjukkan sampel makanan selepas Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Makanan Bazar Ramadan 2023 di Taman Tasik Permaisuri, Kuala Lumpur, kelmarin. (Foto ihsan DBKL)

Beliau berkata, tindakan itu adalah di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Petempatan Makanan 2016, UUK Pengendali Makanan 1979, Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Langkah kawal kualiti makanan

Mahadi berkata, berdasarkan rekod ada 19.1 peratus pencemaran sampel makanan di bazar Ramadan dikesan pada tahun lalu, yang menunjukkan penurunan berbanding 20.4 peratus pada 2021 dan 31.9 peratus pada 2019.

"Ini menunjukkan operasi seumpama ini sangat berkesan bagi mengawal kualiti dan keselamatan makanan yang dijual di bazar Ramadan," katanya.

Terdahulu, Mahadi melancarkan kempen Sifar Plastik Sekali Guna yang menjadi kesinambungan larangan dan penguatkuasaan penggunaan beg plastik, penyedut kinuman plastik dan bekas polisterina.

Menerusi kempen itu, warga kota digalakkan membawa sendiri bekas dan beg guna semula ketika membeli-belah.

Larangan dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan terhadap penjaja yang menjual barangan atau menggunakan beg plastik, penyedut minuman plastik dan bekas polisterina.

Sementara itu, Mahadi berkata, DBKL juga memperkenalkan Bazar Ramadan Rahmah yang membabitkan lapan peniaga trak makanan di tapak diluluskan iaitu di Jalan Raja, manakala 33 peniaga lagi di belakang Kompleks Campbell dan kawasan letak kereta Lot 4, Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR). BERNAMA

Sekitar Ramadan



Orang ramai mengunjungi bazar Ramadan untuk membeli juadah berbuka puasa ketika tinjauan di Bazar Ramadan Seksyen 7, Bandar Baru Bangi. (Foto Aizuddin Saad/BH)



Pelbagai jenis kuih tradisional di Bazar Ramadan, Chabang Tiga, Kuala Terengganu. (Foto Ghazali Kori/BH)




Peniaga, Nor Azmanida Deraman menunjukkan jualan Menu Rahmah di Bazar Ramadan Pekarangan Stadium Muhammad IV, Kota Bharu. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



Orang ramai tidak melepaskan peluang mengunjungi Bazar Ramadan Stadium, di Kuantan, semalam. (Foto BERNAMA)



Pengunjung melihat pelbagai juadah berbuka puasa di gerai aneka lauk ketika tinjauan di Bazar Ramadan, Chabang Tiga. (Foto Ghazali Kori/BH)



Peniaga Sotong, Sultan Ahmad Zurizhan, sibuk menyiapkan tempahan pelanggan di Bazar Ramadan Stadium Shah Alam. (Foto BERNAMA)